

Ad-din bukan hanya di bibir: Mahathir

Oleh Saodi Mat Atar

KUALA LUMPUR. Jumaat - Agama Islam bukanlah semata-mata untuk menjaga kepentingan di akhirat, sebaliknya ia adalah cara hidup dalam mengurus soal harian umatnya di dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua ibadat dan suruhan serta larangan agama adalah untuk kebaikan di dunia juga, bukannya dalam konteks sekadar menunggu balasan di akhirat.

"Begitu juga dengan nilai-nilai murni yang perlu diserap dalam kehidupan harian adalah untuk kebaikan dan kejayaan di dunia selain memastikan kesejahteraan di akhirat.

"Penekanan biasa diberikan umat Islam ialah mengenai pahala dan dosa, syurga dan neraka. Tetapi apakah amalan kita hanya untuk mendapat balasan di akhirat semata-mata.

"Apakah orang Islam dikehendaki berbuat baik hanya kerana ingin ganjaran dan mengelak membuat kejahatan kerana takut kepada api neraka. Walhal dalam berdoa kita tidak sahaja memohon hassanah di akhirat, malah untuk di dunia," katanya.

Beliau menegaskan demikian sewaktu merasmikan Seminar Penerap-

an Nilai Murni Dalam Tadbiran Awam dan Swasta di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini hari ini.

Dr Mahathir menegaskan, sudah terbukti bahawa kegagalan umat Islam adalah kerana mereka tidak menjadikan agama sebagai satu cara hidup atau ad-din yang kini tinggal menjadi sebutan di mulut.

Menurutnya, kejatuhan empayar Islam termasuk yang terakhir, Empayar Othmaniah adalah disebabkan kegagalan mereka menegak serta mengamalkan agama sebagai cara hidup.

"Segala nilai yang mulia dalam ajaran Islam diletakkan dan ibadat diasingkan daripada cara hidup. Sepatutnya, semua yang dilakukan oleh individu atau masyarakat Islam tertakluk kepada nilai serta cara Islam," katanya.

Ketika berdialog dengan peserta seminar selepas itu, Perdana Menteri berkata Kerajaan Pusat sedang berusaha menyeragamkan pentadbiran agama Islam di negara ini agar lebih tersusun seperti sistem pentadbiran awam.

Sebelum ini, katanya, kerajaan tidak dapat menyeragamkan pentadbiran agama kerana ia ber-

LIHAT MUKA 2

Kerajaan giat seragam pendidikan Islam

DARI MUKA 1

ada di bawah kuasa raja-raja Melayu setiap negeri.

"Dalam soal pentadbiran agama, kita sepatutnya mempunyai satu tafsiran sahaja dan undang-undangnya pula adalah seragam," katanya.

Dr Mahathir berkata, pendapat dan tafsiran yang terlalu berbeza dalam bidang agama di antara sebuah negeri dengan negeri lain tidak sepatutnya berlaku walaupun perbezaan tafsiran bukannya menjadi satu kesalahan.

"Kerajaan berusaha sekurang-kurangnya dapat menyeragamkan

pendidikan Islam di negara ini agar ia mempunyai ukuran dan tafsiran yang sama.

"Malaysia juga berharap agar keseragaman pentadbiran Islam dapat diperluaskan di rantau ini," katanya.

Mengenai perbezaan hukuman di antara sistem perundangan Islam dan mahkamah sivil, Dr Mahathir berkata, pelaksanaan hukuman syariah di negara yang mempunyai penduduk pelbagai agama seperti Malaysia amat sulit untuk ditentukan.

"Kita harus ingat bahawa masih ada banyak masyarakat lain di mana

orang Islam menjadi golongan minoriti.

"Sudah tentu mereka akan menganggap tidak adil sekiranya hukum agama lain dijatuhkan ke atas mereka.

"Sebab itu kita perlu berhati-hati kerana kita tidak mahu berlaku huru-hara akibat apa jua tindakan yang kita ambil," katanya.

Dr Mahathir kemudiannya menyampaikan sijil kepada tiga tokoh yang dilantik sebagai Fellow Kehormat IKIM iaitu Tan Sri Syed Agil Syed Hassan Barakbah, Uthman El-Muhammady dan Prof Madya Dr Chandra Muzaffar.